

ILMU KAYU : PENGGUNAANNYA DI DALAM SENIBENA MELAYU.

Oleh: Kamal Azman b. Hj. Abdul Hamid.  
Diploma Senibena  
Tahun 1985/86 Mei  
Semester 08  
Institut Teknologi MARA  
Shah Alam, Selangor.

## PENGENALAN.

Ini merupakan projek tesis akhir yang diwajibkan oleh pihak Institut Teknologi MARA kepada para pelajar tahun akhir diperingkat Diploma sebagai kehendak untuk graduan. Projek tesis ini juga dikenali dengan nama 'final study'.

Tujuan utama diadakan projek tesis ini ialah untuk memastikan para graduan dari atau keluaran Institut ini berkebolehan dari segi cara berfikir, berhujah begitu juga dibidang penulisan, sebagai persiapan untuk menjadi pemimpin jenerasi di masa akan datang

Topik penulisan tidak dihadkan tetapi adalah dinasihatkan supaya topik penulisan itu mempunyai kaitan rapat dengan kursus yang diduduki oleh para pelajar semuanya.

Projek Tesis kursus Diploma Senibena ini telah diletakkan di bawah matapelajaran 'History of Architecture' yang mana dipercayai boleh mendorong para pelajar kepada menulis hal-hal yang berkaitan dengan senibena di tanah air kita ini.

PENGHARGAAN.

Dalam menghasilkan penulisan tesis ini, beberapa pihak tertentu telah banyak memberikan kerjasama mereka tanpa berbelah bagi dan seterusnya sokongan mereka terhadap usaha penulisan ini.

Pihak perseorangan.

Ayah Engku Tuan Syed Mohamad b. Syed Abdul Rahim.

En. Abdul Ghani b. Mohd. Desa.

Cik Shahrienne bt. Mohd. Shah.

En. Mutalib b. Ali.

Badan perkumpulan.

Perpustakaan Tun Abdul Razak ITM, Shah Alam.

Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Pusat Penyelidikan Hutan FRI, Kepong.

Dan kepada mereka-mereka yang tidak disenaraikan nama, diharap tidak berkecil hati. Kerjasama yang telah diberikan amat saya sanjung dan hargai, hanya ALLAH jua yang dapat membalasnya.

Terima Kasih.

## ISI KANDUNGAN.

- \* Pengenalan
- \* Penghargaan
- \* Surat pengenalan pengajian
- 1.0 Sinopsis penulisan
  - Pendahuluan
  - Matlamat penulisan
  - Ruang lingkup penulisan
  - Metodologi penulisan
- 2.0 Kayu secara am
- 3.0 Kayu dan Senibena Melayu
  - Istana kayu lama
  - Insitusi peribadatan
  - Rumah orang kebanyakan
- 4.0 Kepercayaan orang-orang Melayu
- 5.0 Kepercayaan terhadap kayu
  - Petua mengenai mengenal pokok kayu
  - Petua menebang pokok
- 6.0 Kerja kayu : sambungan-sambungan bahagian kayu
- 7.0 Ukuran dalam kerja kayu
  - Sistem ukuran tali
  - Sistem ukuran tangan
- 8.0 Cerita tukang -tukang kayu
- 9.0 Kes Pembelajaran : Rumah Tradisional Terengganu
- 10.0 Rumusan
- 11.0 Penutup
- \* Bahan rujukan

## PENDAHULUAN.

Apabila memperkatakan tentang senibena masyarakat melayu, tentunya perbincangan kita tidak berganjak daripada tiga kelompok asas pembahagian iaitu senibena istana-istana raja melayu, senibena insitiusi peribadatan seperti masjid dan yang paling akhirnya senibena rumah orang kebiasaan atau keban-yakkan.

Adalah sedia maklum kepada kita semua bahawa kayu memang banyak gunanya dan begitulah halnya sebagai bahan binaan yang utama di dalam ketiga-tiga kategori senibena masyarakat melayu. Kalau mengikut logik sememanglah kayu senang untuk didapati terutama di rantau kita di sebelah sini. Tidak hairanlah hingga ke hari ini, penggunaan kayu masih dipertahankan terutama bagi mereka yang mengetahui di dalam masyarakat kita di kampung-kampung.

Biarpun bagaimana sekalipun penggunaan kayu keatas senibena masyarakat kita itu, ia merupakan sebahagian dari 'pakaian' pola senibena kita dan tanpa 'pakaian' ini, sesebuah bangunan itu tidak lengkap atau laian perkataan janggal walaupun cukup dengan rekabentuk sebagai syaratnya.

Kesedaran terhadap pentingnya penggunaan kayu di dalam senibena masyarakat melayu khasnya hal-hal yang berkaitan dengan perkara-perkara di-sebalik dunia 'realiti', harus dititikberatkan dan justru itu dipercayai betapakah pentingnya diketengahkan terhadap penggunaan kayu di dalam seni-